

MAHATHIR - SABERKAS

KUCHING. 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN PERTUBUHAN BELIA KEBANGSAAN BERSATU SARAWAK (SABERKAS) DAPAT MENGGEMBELINGKAN TENAGA BELIA BAGI MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERHARAP SABERKAS AKAN DAPAT MELUASKAN KEGIATANNYA BUKAN SAJA UNTUK KEPENTINGAN PARA BELIA TETAPI JUGA NEGARA KESELURUHANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA DALAM BUKU CENDERAMATA SEMPENA PERASMIAN +WISMA SABERKAS+ DI SINI KHAMIS INI. BELIAU SENDIRI DIJADUALKAN MERASMIKANNYA.

BANGUNAN 20 TINGKAT BERHARGA \$70 ITU MEMPUNYAI RUANG-RUANG PEJABAT DAN PERNIAGAAN SELAIN PERHENTIAN BAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYIFATKAN KOMPLEKS ITU SEBAGAI SATU LAGI DAYA TARIKAN PELANCONG KE SARAWAK. -- LAGI.

1645MST 19 08 85

0981

U B405 DEB

MAHATHIR - SABERKAS 2 KUCHING

+SELAIN MENJADI SATU LAGI SUMBER PENDAPATAN BAGI SABERKAS, BANGUNAN INI AKAN DAPAT MEMPERGIATKAN AKTIVITI-AKTIVITINYA,+ KATANYA.

PADA MASA INI SABERKAS MEMPUNYAI 68,000 ORANG ANGGOTA PELBAGAI KAUM DAN TERBABIT DALAM KEGIATAN-KEGIATAN SEPERTI MEMBINA RUMAH-RUMAH KEDAI DAN MENJALANKAN PROJEK TANAMAN SAYUR-SAYURAN SELAIN MENGADAKAN KURSUS-KURSUS BUKAN POLITIK.

DALAM PERUTUSANNYA PULA, KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MENGANGGAP PEMBINAAN BANGUNAN ITU SEBAGAI MELAMBANGKAN SATU ERA BARU BAGI PERTUBUHAN BELIA DI SARAWAK.

+DENGAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN DI KALANGAN BELIA PELBAGAI KAUM, KITA TELAH MENCAPAI KATA SEPAKAT UNTUK MEWUJUDKAN PERPADUAN YANG SIHAT,+ KATANYA.

KATANYA INI SANGAT MENGGALAKKAN KERANA PERPADUAN DAN SEMANGAT INGIN MAJU ADALAH FAKTOR-FAKTOR PENTING UNTUK MEMBAWA KEMAJUAN BAGI RAKYAT. -- BERNAMA.

1646MST 19 08 85